

**Career Selection Inventory  
for Malaysians II  
(CaSIM II)**

## **PENGENALAN**

Selain daripada dua instrumen psikometrik yang dikenali sebagai *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEdSI) dan *Malaysian University Selection Inventory* (MunSyl), terdapat dua instrumen psikometrik lain yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia iaitu CaSIM I dan CaSIM II. MEdSI merupakan satu instrumen psikometrik untuk menyaring calon pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke IPT dalam pelbagai program pendidikan di universiti sementara MunSyl merupakan satu instrumen psikometrik untuk menyaring calon pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia dalam pelbagai program pengajian.

### **Apakah CaSIM II?**

*Career Selection Inventory for Malaysians* (CaSIM II) merupakan satu instrumen psikometrik yang diguna pakai untuk memilih calon penjawat awam dan swasta yang sesuai dan selaras dengan keperluan sesuatu pekerjaan.

### **Apakah Tujuan CaSIM II?**

CaSIM II digunakan bagi memilih calon yang sesuai untuk memilih calon pekerja yang selaras dengan minat kerjaya, personaliti, kecerdasan emosi, nilai integriti, dan kemahiran insaniah calon. Dengan itu, instrumen CaSIM II dapat membantu melahirkan modal insan yang berkualiti yang menjadi teras kepada pembangunan negara untuk bersaing di peringkat global.

Instrumen CaSIM II dibangunkan untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan kualiti intrinsik individu. Maklumat yang diperoleh daripada pengukuran ini digunakan untuk memilih calon yang sesuai bagi bidang pekerjaan yang ditawarkan. Secara khususnya, justifikasi penggunaan instrumen CaSIM II adalah seperti yang berikut:

(a) Membantu sektor pekerjaan mendapatkan calon yang paling sesuai berdasarkan “individu yang betul untuk pekerjaan yang betul” (*the right person for the right job*). Instrumen ini berupaya membezakan calon yang berpotensi untuk berjaya dalam bidang kerjaya yang dipilih.

(b) Membantu mengurangkan masalah dalaman yang timbul di sektor pekerjaan seperti masalah ponteng, rendah produktiviti, dan kurang motivasi hasil daripada konflik pemilihan bidang kerjaya.

### **Siapakah Yang Boleh Menduduki CaSIM II?**

Calon yang ingin memasuki pasaran pekerjaan (yang memiliki kelayakan SPM, STPM, STAM, Matrikulasi, Diploma, Ijazah Pertama, Ijazah Lanjutan, dan sijil lain yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia). CaSIM II terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

### Siapakah Yang Membangunkan CaSIM II?

CaSIM II dibangunkan oleh pakar perunding yang dilantik oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang terdiri daripada sekumpulan pakar bidang psikometrik dari enam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta terserlah kehebatan kepakaran mereka dengan terbinanya instrumen MEdSI dan MUnSyl yang sedang diguna pakai oleh KPT dan USM.

### Apakah Kriteria Yang Dinilai?

Terdapat empat komponen yang dinilai dalam instrumen CaSIM I dan lima komponen yang dinilai dalam instrumen CASIM II seperti yang dalam jadual berikut.

Jadual 1 : Komponen Bilangan Item Bagi CaSIM I Dan CaSIM II.

Bahagian	Komponen	Bilangan Item	
		CaSIM I	CaSIM II
A	Minat Kerjaya	120	60
B	Personaliti	110	110
C	Kecerdasan Emosi	40	40
D	Nilai Integriti	30	30
E	Kemahiran Insaniah	-	70

### Siapakah Yang Membangunkan CaSIM I dan CaSIM II?

CaSIM II dibangunkan oleh pakar perunding yang dilantik oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang terdiri daripada sekumpulan pakar bidang psikometrik dari enam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan serta terserlah kehebatan kepakaran mereka dengan terbinanya instrumen MEdSI dan MUnSyl yang sedang diguna pakai oleh KPT dan USM.

## TAKRIF KONSTRUK

### Minat kerjaya

Minat kerjaya merupakan kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu aktiviti atau bidang. Ketepatan pemilihan kerjaya berdasarkan minat adalah perlu untuk memastikan keseronokan dalam menjalankan tugas serta memberikan perkhidmatan berkualiti. Minat kerjaya dinilai berdasarkan enam skala, iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, *enterprising*, dan *conventional*.

### Personaliti

Personaliti ialah organisasi dinamis sistem psikofizikal dalam diri individu yang menentukan ciri tingkah laku dan pemikiran. Personaliti individu hendaklah selaras dengan profesion pilihannya. Keselarasan ini perlu kerana ia menentukan tahap motivasi, kepuasan kerja, pencapaian, produktiviti, dan stabiliti seseorang dalam kerjayanya. Personaliti dinilai berdasarkan sebelas skala, iaitu asertif, analitikal, autonomi, ekstrovert, intelektual, ketahanan, kritik diri, kepemimpinan, tolong-menolong, pencapaian, dan kejujuran.

### Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi ialah keupayaan untuk mengenal pasti dan mentafsirkan emosi diri sendiri dan orang lain untuk meningkatkan pemikiran yang dapat mempengaruhi cara seseorang bertindak dan berinteraksi dengan persekitaran. Keseimbangan emosi berupaya mempengaruhi prestasi kerja dan mampu meningkatkan produktiviti organisasi. Kecerdasan emosi dinilai berdasarkan empat skala, iaitu ekspresi emosi, kesedaran emosi terhadap orang lain, resilien, dan kecerdasan hubungan.

### Nilai Integriti

Nilai integriti merangkum nilai murni yang boleh diukur dalam batasan pengetahuan, sikap, dan tingkah laku. Integriti merupakan projeksi profesionalisme individu berkaitan dengan sifat berdisiplin, tekun, bertanggungjawab, optimis, berkepemimpinan, sabar, kreatif, dan inovatif. Nilai integriti dinilai berdasarkan tiga skala, iaitu bersih, amanah, dan bijaksana.

### Kemahiran Insaniah

Kemahiran insaniah (*soft skills*) adalah kemahiran yang merentas pelbagai domain merangkum aspek keperibadian dan kerja berkumpulan. Kemahiran insaniah dinilai berdasarkan tujuh skala, iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional, dan kemahiran kepemimpinan.

## Pentafsiran Keputusan

Padanan individu dengan program pengajian atau kerjaya pilihan digambarkan melalui pemerolehan skor pada setiap skala dalam komponen yang dinilai berdasarkan wajaran seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 2. Padanan individu digambarkan melalui skor peratusan yang diperolehi.

Bahagian	Komponen	Wajaran	
		CaSIM I	CaSIM II
A	Minat Kerjaya	40%	30%
B	Personaliti	30%	20%
C	Kecerdasan Emosi	15%	15%
D	Nilai Integriti	15%	15%
E	Kemahiran Insaniah	-	20%

## Rumusan

CaSIM I ialah instrumen psikometrik yang julung kali diperkenalkan untuk memilih calon pelajar ke IPT dan CaSIM II memilih calon penjawat awam dan swasta yang paling menepati ciri-ciri bidang pekerjaan tersebut. Kekuatan instrumen ini menjurus kepada penilaian yang dilakukan terhadap komponen tertentu seperti minat kerjaya, personaliti, kecerdasan emosi, nilai integriti, dan kemahiran insaniah. Di samping kelulusan akademik, kestabilan emosi dan kecekapan memainkan peranan penting dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan oleh sesebuah organisasi. Keseimbangan komponen ini menjadi satu aset penting dan mandatori dalam mencapai matlamat dan prestasi produktiviti organisasi tersebut. Oleh yang demikian, CaSIM I dan CaSIM II merupakan instrumen yang menjadi faktor penentu dalam mempengaruhi peningkatan produktiviti organisasi.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi

Majlis Peperiksaan Malaysia  
Bahagian Pengendalian Peperiksaan Luar  
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang  
**68100 BATU CAVES**  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-6136 9663 samb: 2696/5002/2680/2699/5001/2714

Faks: 03-6138 9453

E-mel: [sahak@mpm.edu.my](mailto:sahak@mpm.edu.my)

[ruhaibah@mpm.edu.my](mailto:ruhaibah@mpm.edu.my)

[aim@mpm.edu.my](mailto:aim@mpm.edu.my)